

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 6, 2019 11:01 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ramadan Bermakna Bagi Mangsa Kebakaran Terima Rumah Baharu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

06 MEI 2019 / 1 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

RAMADAN BERMAKNA BAGI MANGSA KEBAKARAN TERIMA RUMAH BAHARU



UUM ONLINE: Ramadan kali ini memberi 1001 makna kepada pelajar tahun kedua Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam, Noor Asniza Abd Razak sekeluarga apabila hasrat mereka untuk memiliki semula rumah baharu tercapai.

Rumah pusaka yang didiami Noor Asniza bersama keluarganya di Kampung Raja, Jeram, Jitra sejak lebih 10 tahun itu telah musnah dalam kebakaran pada Februari lalu hingga menyebabkan mereka tinggal sehelai sepinggang.

Sempena menyambut Ramadan Al-Mubarak ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) menerusi Persatuan Alumni UUM (PAUUM) dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara membina semula rumah mereka yang telah siap untuk didiami.

Penyerahan kunci rumah baharu itu telah disempurnakan Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan diserahkan kepada bapa Noor Asniza iaitu Abd Razak Kassim, pesara tentera.

Naib Canselor berkata, pembinaan semula rumah itu adalah simbol kepada kesepakatan warga UUM dan komuniti setempat bagi membantu golongan yang memerlukan, apatah lagi apabila tibanya bulan Ramadan.

Menurutnya, beliau bangga apabila mengetahui rumah baharu itu berjaya disiapkan dalam tempoh singkat iaitu selama 35 hari sahaja sebelum diserahkan kepada keluarga Noor Asniza.

“Ia merupakan satu usaha yang sangat luar biasa dan saya berterima kasih kepada semua yang berusaha memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk sama ada wang, tenaga dan buah fikiran untuk menjadikan hasrat murni ini menjadi satu kenyataan.

“UUM bukan sekadar menjadi institusi pengajian tinggi yang menyediakan platform kepada pelajar untuk mendapatkan ijazah tetapi juga berhasrat untuk mendekatkan diri dengan masyarakat kampung atau komuniti, justeru kita telah melancarkan 1 Fakulti 1 Daerah dengan tujuan mendekati masyarakat tempatan kerana tanpa masyarakat, tiada universiti,” katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kepada Mangsa Kebakaran, petang semalam.

Sementara itu, Presiden PAUUM, Dr. Mohd Azlan Yahya berkata, pihaknya mengambil peranan aktif serta inisiatif untuk membantu dari aspek khidmat bakti kepada pelajarannya.

Di samping itu, menurutnya, PAUUM juga menyahut saranan Menteri Pendidikan supaya alumni sentiasa memainkan peranan penting dalam membangunkan universiti dan sekolah di bawah penyeliaan Kementerian Pelajaran Malaysia.

“Saya berterima kasih kepada ABM Wilayah Utara dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia serta pelbagai pihak termasuk penduduk setempat kerana tanpa khidmat bantuan daripada agensi ini, inisiatif baik sebegini tidak mungkin dapat disiapkan lebih awal,” katanya.

Manakala Noor Asniza berkata, dia bersyukur dan terharu dengan sikap prihatin UUM kerana sudi membina semula rumahnya yang hangus dijilat api kira-kira dua bulan lalu.

“Saya berterima kasih kepada UUM kerana mengembalikan semula keceriaan kepada saya sekeluarga, tambah-tambah lagi pada bulan Ramadan ini, malah saya juga tidak jangka rumah ini akan disiapkan dengan lebih awal.

“UUM telah banyak membantu saya dan keluarga dari aspek kewangan sehinggalah dapat memiliki rumah baharu ini dan kini kami tidak perlu lagi menumpang di rumah saudara terdekat untuk menyambut Ramadan dan Syawal,” kata anak ketiga daripada empat beradik itu.

Terdahulu, selepas kejadian kebakaran tersebut, seramai 200 Sukarelawan UUM bersama 60 Perajurit Muda dari Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Kem Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan 78 ahli Persatuan Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior serta penduduk tempatan bergotong-royong membersihkan rumah Noor Asniza sebelum proses pembinaan semula dijalankan pada penghujung Mac lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali; Ketua Pegawai Eksekutif ABM Wilayah Utara, Mohd Nazri Zakaria dan Ketua Pegawai Eksekutif UAC Berhad, Gan Boon Ting.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.